

Zeti ahli perbankan terbaik dunia

Kosmo 25/8/12 MS 5.

KUALA LUMPUR – Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (**gambar**) mengekalkan kedudukannya di kalangan ketua-ketua bank pusat yang dinamakan oleh majalah *Global Finance* sebagai Ahli Perbankan Pusat Terbaik di Dunia sejak beberapa tahun lepas.

Zeti adalah salah seorang daripada enam ketua bank pusat yang mencapai mata A di dalam Kad Laporan Ahli Perbankan Pusat yang diterbitkan oleh *Global Finance*.

Beliau juga mencapai mata A pada tahun lepas dan 2010.

Ketua bank pusat yang lain yang mengekalkan mata A termasuk Amando Tetangco Jr. dari Filipina, Fai-Nan Perng dari Taiwan, Gabenor Reserve Bank of Australia, Glenn Stevens dan Gabenor Bank of Israel, Stanley Fischer.

Nama baharu yang menyertai senarai itu ialah Mark Carney dari Kanada yang pada tahun lepas mendapat mata B+.

Sementara itu, Pengerusi Rezab Persekutuan Amerika Syarikat, Ben Bernanke menambah pencapaiannya kepada B daripada C pada

tahun lepas.

Rencana *Central Banker Report Card* itu yang diterbitkan setiap tahun oleh *Global Finance* sejak 1994, menggred para Gabenor Bank Pusat 50 negara utama (dan Bank Pusat Eropah) pada skala A hingga F bagi kejayaan dalam bidang seperti kawalan inflasi, matlamat pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.

Mata A mewakili prestasi cemerlang dan turun sehingga F bagi kegagalan mutlak.

Kriteria subjektif juga boleh digunakan.

Penerbit *Global Finance*, Joseph Giarraputo berkata: "Ahli-ahli Perbankan Pusat di Dunia kini diuji melalui tahun-tahun yang sangat mencabar pernah dicatatkan."

"Setiap tahun, kami menilai kecakalan Ahli-Ahli Perbankan Pusat untuk menghadapi campur tangan politik dan usaha mereka mempengaruhi kerajaan masing-masing menghadapi isu-isu seperti perbelanjaan dan keterbukaan ekonomi yang berhadapan dengan pelaburan asing dan perkhidmatan kewangan. – Bernama



ZETI

INFO Tan Sri Zeti

- Tan Sri Zeti Akhtar Aziz
- Dilahirkan pada 27 Ogos 1947 di Johor Bahru, Johor
- Anak kepada Professor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid
- Gabenor Bank Negara yang ketujuh sejak Mei 2000
- Wanita pertama dilantik memegang jawatan itu
- Terpilih sebagai antara Ketua Bank Pusat Terbaik Dunia oleh majalah *Global Finance* pada tahun 2010
- Penerima Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) atas sumbangan cemerlang dalam Perbankan dan Kewangan Islam pada April 2012
- Pernah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1432H/2010M
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Berkahwin dengan Pengarah Ayman Capital Sdn. Bhd., Dr. Tawfiq Ayman
- Mempunyai dua orang anak, Alif dan Aziz